

08 JUL, 2023

RTC Kelantan bantu usahawan, peniaga

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2



WAN Faizatul Aniza Ismayatim (kanan) beramah mesra dengan seorang peniaga buah-buahan di Pasar RTC, Tunjong, Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/KAMARUL BISMIL KAMARUZAMAN

RTC Kelantan bantu usahawan, peniaga

Oleh **ROSMIZAN RESDI**
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA BHARU: Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Tunjong di sini berperanan cukup besar dalam membantu usahawan serta peniaga memasarkan pelbagai produk pertanian dan makanan negara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Kelantan, Wan Faizatul Aniza Ismayatim berkata, RTC Kelantan merupakan pusat perkhidmatan pemasaran agromakanan setempat yang menunjukkan impak memberangsangkan sejak ia dilancarkan pada 2012.

Menurutnya, sejak 2012 sehingga tahun lalu, RTC Kelantan berjaya mencapai nilai jualan se-

banyak RM3.1 bilion dengan bilangan pengunjung melebihi 31.4 juta orang.

“Manakala sasaran nilai jualan usahawan untuk tahun ini adalah sebanyak RM350 juta dan sehingga Mei tahun ini, sebanyak RM122 juta hasil jualan dipoleh.

“Kita yakin sasaran berkenaan dapat dicapai memandangkan RTC Kelantan menerima jumlah pengunjung yang ramai dan setakat ini, seramai 659,700 pengunjung bertandang ke sini pada tahun ini,” katanya ketika ditemui di Pejabat Fama, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Wan Faizatul Aniza berkata, kemampuan pendedaran bekalan setempat di RTC Kelantan adalah purata 10,000 metrik tan sebulan untuk sayur-sayuran dan 1,500 metrik tan sebulan bagi buah-buahan.

Katanya, sumber bekalan utama di RTC Kelantan membabitkan 70 peratus adalah bekalan tempatan manakala 30 peratus bekalan dari luar.

“Sehingga kini, kita mempunyai seramai 805 usahawan ditempatkan di lot niaga yang disediakan dan beroperasi setiap hari.

“Pada masa ini, komponen sedia ada terdiri daripada Blok Pentadbiran, Blok Peruncitan, Blok Pemborongan dan Blok Pelbagai, selain turut memiliki medan selera, tapak Florikultur, Pasarina dan Tapak Ekspo,” katanya.

Wan Faizatul Aniza berkata, RTC Kelantan sedang menaik taraf pusat pemborongan kuih yang bernilai RM200,000 dan pembinaan bilik sejuk serta stor penyimpanan barangan produk pertanian berjumlah RM2 juta.



08 JUL, 2023

RTC Kelantan bantu usahawan, peniaga

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

WAN Faizatul Aniza Ismayatim (kanan) beramah mesra dengan seorang peniaga buah-buahan di Pasar RTC. Tunjong. Kota Bharu. Kelantan. - UTUSAN/KAMARUL BISMIKAMARUZAMAN

KOTA BHARU: Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Tunjong di sini berperanan cukup besar dalam membantu usahawan serta peniaga memasarkan pelbagai produk pertanian dan makanan negara.